

MYUniMAP
Edisi XXXVI

R&D



408 PENYERTAAN SEMARAKKAN I-ENVEK 2018

Oleh : Mohd Basri Basir

Sebanyak 408 penyertaan pada International Engineering Invention and Innovation Exhibition (i-ENVEK) 2018 yang berlangsung mulai 13 hingga 15 April di Dewan Ilmu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Naib Canselor UniMAP Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamil berkata daripada jumlah itu, 163 penyertaan dari sekolah menengah, 92 dari UniMAP sendiri, dan 72 penyertaan institusi pengajian tinggi (IPT) manakala penyertaan antarabangsa pula adalah 81 penyertaan dari 16 buah negara.

"Antara negara yang menyertai ialah India, Taiwan, Hong Kong, China, Macau, Thailand, Indonesia, Kanada, Romania, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Vietnam, Laos, Bangladesh dan Filipina.

"Penganjuran pameran bertaraf antarabangsa ini adalah bagi memberi pendedahan awal dan menggalakkan pelajar sekolah serta mahasiswa untuk terlibat dalam bidang penyelidikan dan inovasi seterusnya memperkasakan kebolehan serta penciptaan pelajar ke platform lebih tinggi," kata beliau ketika menyampaikan ucapan perasmian Penutup i-ENVEK 2018, di sini. Turut hadir Pengarah Program Prof Madya Dr Mustafa Al-Bakri Abdullah.

**I-ENVEK
Exhibition
2018**
INTERNATIONAL INVENTION & INNOVATION EXHIBITION | UniMAP MAIN CAMPUS



Terdahulu, produk Sistem Ternakan Ayam Organik E-Lips hasil inovasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan dan Green-based Antibacterial Hand Sanitizer Serum (GreeSS) ciptaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang mengungguli i-ENVEK Best of The Best Award.

Sementara itu, produk ciptaan penyelidik UniMAP iaitu Human Representative Humanoid Robot daripada penyelidik Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) memperolehi UniMAP Vice Chancellor Award, selain produk XDM :Ultimate Elimination of Dengue Fever Using Herbal Larvicide Membrane Technology hasil ciptaan Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Alam Sekitar meraih i-ENVEK Special Award manakala Wireless Network Scalling for Chicken Farm meraih i-ENVEK Best Award Classed A (Agriculture, Environmental & Renewable Energy).

Selain itu, bagi anugerah khas antarabangsa produk Self Cleaning Geopolymer Paste daripada PPK Alam Sekitar serta produk An Environmental Friendly Synthetic WOOD PANEL daripada FTK masing-masing meraih National Institute for Research and Development in Environmental Protection (INCDPM) Romania Award on Environmental Protection.